

Headline **Kempen DiGi catat kutipan RM150,000**
Date **06 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,073**

Language **Malay**
Page No **L-18**
Article Size **195 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **3,218**



Kempen DiGi catat kutipan RM150,000

DIGI Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) mencatatkan kutipan sumbangan amal sejumlah RM150,000 menerusi Kempen 'Love to Save'.

Ketua Pelbagai Segmennya, Koay Choe Keong berkata, persekitaran ekonomi sukar ketika ini bukan sekadar membuat simpanan kewangan semata-mata.

Menurut beliau, masyarakat juga boleh melakukan sesuatu lebih daripada itu dengan memberi sumbangan amal kepada mereka yang memerlukan.

"Dalam tempoh tersebut, seramai 86,615 mengunjungi laman web dengan 589 kumpulan peribadi dan lebih 19,000 daripada jumlah itu sudah berdaftar.

"Ya turut menarik perhatian jaringan sosial dalam talian melalui Facebook dan Twitter serta membabitkan blog dan forum," katanya kepada media selepas menyerahkan sumbangan amal berkenaan di Shah Alam, semalam.

Kempen 'Love to Save' berlangsung selama sebulan sejak 1 Jun lalu bertujuan untuk mengumpul sumbangan kepada 14 persatuan kebajikan.

Antaranya, Majlis Kanser Nasional (Makna), Yayasan Aids Malaysia, Yayasan Institut Jantung Negara, Persatuan Mencegah Kekejaman Haiwan (SPCA) Selangor, Pusat Persekitaran Global dan Pertubuhan Pertolongan Wanita.

Orang ramai boleh membuat sumbangan amal setiap satunya sejumlah RM5 di laman web, www.lovetosave.com.my kepada persatuan kebajikan terpilih.

Berhubung perancangan seterusnya, Chee Keong berkata, kemungkinan DiGi terus melaksanakan projek amal seumpama itu pada masa akan datang.

"Bagaimanapun, ia perlu dilihat dengan teliti termasuk mekanisma sumbangan dan kerjasama yang akan dibuat kelak," katanya.



Chee Keong (tengah, dua dari kiri) bersama wakil persatuan kobajikan selepas Majlis Penyerahan Sumbangan RM150,000 oleh DiGi di Shah Alam, semalam.